

GUA PUAKA

BORNEO LITERATURE BUREAU



GUA PUAKA

oleh

AHMAD SABU

dan

IMRAN b. ABDUL HAMID

di lukis oleh

DAUD NAPIS



BORNEO LITERATURE BUREAU

© BORNEO LITERATURE BUREAU, 1966

Di chetak oleh

CASLON PRINTERS, LIMITED

HONG KONG

KANDONGAN-NYA

muka surat

Batu Kudi	1
Kesah Buaya	5
Lebor Terus Menjadi Lebor	9
Mati di-Pendamkan	13
Dato Iman Kolop	17

oleh Ahmad Sabu

Negeri di-Dalam Luat ..	20
Tanjong Iobang Gua Puaka	30

oleh Imran b. Abdul Hamid

BATU KUDI

BEBERAPA TAHUN yang silam terjadi-lah satu cherita rumah panjang serta penduduk-nya sekali menjadi batu yang kini di-gelar 'BATU KUDI', di-batu 15, SERIAN-SIMANGGANG ROAD, di-dalam jajahan BALAI RINGIN. Cherita-nya ada-lah saperti berikut.

Rumah panjang tersebut di-diami oleh orang-orang bangsa Iban yang mana jumlah-nya terlampau-lah banyak. Pada masa itu negeri SARAWAK ini belum lagi tenteram dan banyak dari ra'ayat-nya berkerja saperti menyamun dan merompakkan harta benda orang. Pertubohan untuk membangunkan kehidupan ra'ayat jelata belum lagi di-bentok. Jalan-jalan masok sukar kerana berbukit-bukit dan kadangkali juga melalui gunung-ganang dan hutan belantara yang tebal-tebal. Kerap-kali orang telah menemuie maut oleh penyamun-penyamun dan perompak-perompak dan binatang buas yang bersarang di-hutan rimba, ketika mereka pergi dari satu tempat ka-satu tempat. Hidup orang dalam kampong-kampong dan rumah-rumah panjang pun maseh susah sebab mereka belum mengerti tinggal bersama-sama dan bersatu hati serta bersikap tegoh. Mereka sering bermusoh sama sendiri dan ta' tolong menolong dari satu sama yang lain.

Tetapi di-rumah panjang tersebut penduduk-penduduk-nya sangat-lah baik. Mereka berdamai dan tolong-menolong serta di-dalam aman dan ma'amor. Mereka di-ketuai oleh penghulu-penghulu dan temenggong mereka. Perkerja'an mereka ia-lah berchuchok tanam, menangkap ikan, dan berburu-binatang-binatang.

Menyabong ayam satu lagi yang mereka suka kerjakan di-masa lapang.

Mengikut adat isti'adat nenek moyang mereka keramaian mesti di-adakan tiap-tiap tahun salepas musim menuai. Pada masa ini-lah mereka berkumpul untuk meraikan keramaian itu dan menukar undang-undang yang patut di-tukarkan. Pada waktu itu juga arak dan tuak di-jamu kan kapada tetamu yang hadir. Binatang-binatang ternakan di-korban untuk menjadi makanan.


Satu hari konon-nya penduduk-penduduk rumah panjang itu telah mengadakan keramaian 'bergawai' kerana menyambut ulang tahun hari pertubohan kampung mereka dan meraikan musim menuai padi. Penduduk-penduduk kampung itu sibok membuat kueh-mueh untuk jamuan keramaian itu. Ada yang sibok menumbok padi untuk di-jadikan beras dan ada yang sibok membersekan rumah tangga serta menghias-nya dengan bermacam-macam bunga-bunga yang indah dan harum bau-nya. Sa-telah selesai kesemua-nya, berkumpul-lah semua penduduk-penduduk rumah panjang itu.

Hari itu chuacha sangat-lah baik dan matahari memancar dengan terek-nya. Penduduk-penduduk yang meraikan keramaian itu semua-nya sibok dengan tugas masing-masing. Ada yang sibok bermain judi, ada yang berpencha dan bersilat, ada yang mengajar, ada yang berteriak bertepok tangan dengan gembira-nya. Ada juga di-antara mereka sibok menyabong ayam. Dalam keramaian tersebut sekunyong-kunyong-nya munchol sa-orang budak dengan sa-ekor anjing hitam. Orang-orang banyak melihat kelakuan budak itu dengan tekun, sebab ia-nya di-kenali sabangai ahli pelawak yang

terkenal di-rumah panjang itu. Melihat orang semua memandangnya ia pun terus memulakan permainan-nya. Mula-mula anjing itu di-beri-nya makan. Ketika anjing itu sedang makan, ia pun terus mengikat sapuntong kayu api yang bernyala di-ekor anjing itu. Anjing itu pun terus melompat kesana kemari berdengking-dengking kerana kesakitan oleh api yang membakar-kan ekor-nya. Orang-orang yang memerhatikan kejadian itu semua-nya ketawa gelak-gelak melihat anjing yang berlari-lari ka-sana kemari dengan ta' tentu arah.

Sa-lepas kejadian itu chuacha dengan serta merta bertukar menjadi kelam dan langgit pun di-limuti oleh awan-awan yang hitam menggelam itu. Ta' berapa lama kemudian turun-lah hujan dengan lebat-nya serta ribut dan taufan meniup dengan kenchang-nya. Kilat sabong-menyabong di-angkasa. Di-sekitar rumah panjang itu kelam seperti malam yang gelap-gelita. Orang-orang bertempiran menchari perlindungan berteriak serta menangis. Tetapi ribut yang ta' mengenangkan rasa itu terus menjahanam dan menumbangkan segala kayu-kayan yang besar-besar.

Sa-telah chuacha puleh samula kelihatan rumah panjang itu menjadi batu yang besar lagi panjang. Semua penduduk-penduduk-nya serta binatang ternakan menjadi batu yang kini dapat di-lihat pada hari ini. Batu itu di-namakan 'BATU KUDI', terletak ta' berapa jauh dari Kampong Jango Mawang di-batu 15, Jalan Serian-Simanggang Road.



Anjing itu pun terus melompat kesana kemari berdengking-dengking kerana kesakitan oleh api yang membakar ekor-nya.

KESAH BUAYA

MENGAPA BUAYA ganas? Dan mengapa pula binatang ini kerap kali mengachaukan keselamatan orang-orang yang tinggal di-tepi sungei yang berisi buaya? Tiap-tiap cerita mesti ada dongeng-dongeng yang kena mengenai dengan-nya. Cerita berikut ada-lah kesah buaya yang di-ketahui berlaku di-Batang Sungei Samarahan beberapa kurun yang lampau.

Beberapa abad yang silam ada sebuah kampung terdiri di-tepi sungei Samarahan. Penduduk-penduduk-nya terdiri dari bangsa Iban dan Melayu. Perkerja'an mereka ia-lah bertanam padi dan menangkap ikan. Hanya masa lapang sahaja mereka berchuchok tanam dan menoreh getah. Mereka di-kenali sabagai sa-kumpolan yang tersangat gemar dengan kebudayaan mereka sendiri. Dah menjadi kebiasa'an bahawa tiap-tiap ada orang kahwin di-kampung itu mesti-lah di-adakan kebudayaan lama untuk meraikan temasha tersebut dan juga untuk mengagong-agongkan kebudayaan yang mana telah di-tubuhkan sejak masa nenek moyang mereka.

Konon-nya pada satu malam temasha bergendang di-adakan kerana meraikan temasha ulang tahun hari pertubohan kampung itu dan juga meraikan malam perkahwinan sa-pasang teruna dara. Pada masa bergendang malam itu semua bujang dan dara bersuka ria, sering bertukar senyum dari satu sama yang lain. Berjeling-jelingan-lah teruna yang menari kepada dara yang bernyanyi dan bergendang. Pada malam itu ada tujuh orang pemuda yang ta' di-kenali oleh orang-orang yang hadir dan ta' di-ketahui dari mana asal mereka. Mereka

yang bertujoh itu sangat-lah berlainan daripada yang hadir. Mereka ta' berchakap-chakap dan berchampur-gaul dengan orang-orang di-dalam kampung itu. Sa-lepas sahaja temasha bergendang di-tamatkan mereka yang bertujoh itu meninggalkan rumah itu dan terus hilang. Ini sangat-lah ganjil pada orang di-kampung itu. Mereka tertanya-tertanya, siapa-kah garangan-nya pemuda yang bertujoh itu? Tetapi tidak sa-orang pun dari mereka mengetahui-nya. Berita ini telah pun hiboh di-cherok rantau kampung itu dan semua-nya sangat-lah hairan. Mereka bermuafakat dan tolong-menolong untok menchari dan mengetahui siapa-kah garangan-nya pemuda bertujoh yang menggemparkan semua penduduk-penduduk kampung itu, tetapi ta' memberi hasil yang di-kehendaki.

Pada suatu malam dengan sengaja temasha bergendang di-adakan kerana ingin hendak mengetahui dengan sa-benar-nya dari mana-kah pemuda bertujoh itu datang. Penduduk-penduduk tua kampung itu bersedia menjalankan tugas mereka untok menyiasat dari mana pemuda bertujoh itu datang. Tetapi pemuda-pemuda dan pemudi hanya bersuka ria dan ta' mengindahkan apa yang sebenar-nya maksud mengadakan temasha bergendang pada malam itu.

Tersebut-lah kesah sa-orang dari kampung itu telah pergi menyala ikan. Oleh kerana ia pergi dah lewat petang jadi terpaksa-lah ia balek akhir sedikit. Dalam perjalanan balek ia nampak binatang-binatang yang besar berenang berduyun-duyun menuju ka-pangkalan kampung itu. Melihat itu ia pun terus bersembunyi. Oleh kerana malam itu gelap ta' dapat-lah bagi-nya untok

melihat dangan jelas-nya. Tetapi satelah di-perhati-nya, tahu-lah dia apa binatang yang berenang itu. 'Buaya', kata-nya besendirian, 'tujoh ekor dan sangat besar', sambong-nya lagi. Kemudian-nya buaya-buaya itu pun terus naik ka-darat dan bertukar menjadi manusia, dan terus berjalan menuju ka-arrah rumah yang mengada gendang itu. Salepas sahaja pemuda bertujoh itu pergi, ia pun terus pergi ka-tempat mereka bersalin. Di-sana ia berjumpa dengan tujoh sarong-sarong buaya yang besar. Ia pernah juga mendengar cherita tentang tujoh orang pemuda yang mengemparkan seluroh kampung itu. "Jangan-jangan ini-lah pemuda-pemuda itu?" kata-nya dalam gelap. Sa-belum ia pergi meninggalkan tempat itu, di-ambil-nya satu daripada sarong itu lalu di-sembunyi-nya.

Ta' berapa lama lepas itu pemuda yang bertujoh itu pun balek, dan mereka sangat terkejut melihat satu daripada sarong mereka telah hilang. Puas mereka chari tetapi hampa. Akhir-nya pergi-lah mereka berenam dari situ dan meninggalkan yang satu kehilangan sarong-nya. Mereka tahu bahawa ada orang yang menyembunyikan sarong itu. Yang berenam itu bersumpah akan menuntut bela atas kehilangan sarong rakan mereka. Yang sa-orang tadi oleh kerana kesedehan-nya terus membuang diri-nya ka-dalam ayer, lalu mati lemas. Yang berenam itu juga turut sedeh dan mereka berjanji akan mengutok semua manusia. Itu-lah sebab-nya hingga hari ini semua buaya yang berketurunan dari buaya yang ke-enam itu maseh ganas dan suka mengachau keselamatan orang ramai.



Di-sana ia berjumpa dengan tujuh sarong-rong buaya yang besar.

LEBOR TERUS MENJADI LEBOR

SANG SURIA memanchar dengan terek-nya memberi ma'ana bahawa chuacha hari itu sangat-lah baik. Burong-burong berterbangan di-angkasa dengan riang-nya. Sedangkan binatang-binatang saperti monyet, kera, berok dan lain-nya berkejar-kejaran di-atas pokok-pokok kayu.

Berpuloh-puloh buah perahu-perahu penyamun telah menyusur ka-hulu dengan bermaksud untuk menyerang. Apabila tiba sahaja di-pangkalan di-sabuah tempat maka ketua penyamun itu pun menghantar sa-orang utusan ka-darat dan memberi tahu dengan orang-orang daratan bahawa penyamun-penyamun telah tiba untuk melanggar sabarang kampong dan rumah panjang. Tetapi malang-nya utusan itu tidak balek walau pun beberapa hari di-tunggu. Ketua penyamun itu perchaya bahawa utusan itu telah menemui ajal-nya. Dengan ta' membuang masa lagi maka ketua penyamun itu pun mengerahkan orang-orang-nya untuk mendarat menyerang orang-orang di-daratan.

Bergerak-lah semua penyamun-penyamun yang beribu-ribu itu, dengan senjata yang berkilat-kilat terhunus di-tangan masing-masing. Bergemuroh bunyi mereka berjalan di-hutan belantara yang sukar-sukar itu. Segala binatang-binatang hutan semua-nya bertempiran lari mendengar bunyi itu. Mana yang terbang terus bersembunyi di-sarang-nya; yang di-bumi bertempiran masuk ka-dalam lobang masing-masing; dan yang di-pokok-pokok kayu berlompat-lompatan melarikan diri.

Beberapa hari berjalan melalui hutan belukar yang tebal itu, sampai lah segala penyamun-penyamun itu

ka-sa-buah kampung. Penduduk-penduduk kampung itu telah pun bersedia menanti kedatangan penyamun-penyamun itu. Senjata masing-masing terhunus di-tangan untuk memusnahkan sabarang anchaman yang datang. Pehak-pehak penyamun itu pun bersedia untuk menchari lawan dengan senjata yang terhunus.

Berperang-lah kedua pehak itu serta dengan sorak yang riuh rendah bunyi-nya. Masing-masing berperang dengan penoh semangat untuk mempertahankan nyawa masing-masing. Mana yang tertikam berteriak tersungkor. Mana yang maseh selamat terus berjuang menempoh lawan masing-masing. Walau pun pehak penyamun itu ta' terhingga banyak-nya, namun pehak lawan-nya telah pun berjaya mengorbankan banyak dari orang-orang-nya. Banyak-lah jiwa melayang pada pertemporan tersebut. Walau pun dah tujuh hari tujuh malam peperangan di-jalankan, tetapi ta' ada pehak yang choba mengundor atau menyerah kalah. Pada hari yang ke-delapan tinggal sedikit sahaja dari kedua belah pehak itu. Oleh kerana pehak penyamun itu maseh chergas dan lebeh banyak bilangan-nya yang maseh hidup maka menyerah kalah-lah orang-orang dari kampung itu. Tetapi penyerahan mereka itu tidak di-indahkan oleh penyamun-penyamun itu, bahkan mereka terus berjuang dan membunuh semua penduduk-penduduk kampung itu. Salepas sahaja habis peperangan itu maka penyamun-penyamun itu pun undor balek meninggalkan kampung yang saperti padang jarak padang terkukor itu. Di-sekitar kampung itu sunyi-sepi belaka dan darah manusia yang menjadi korban dalam pertemporan tersebut saperti anak sungei mengalir

di-sagenap tempat. Semua benda-benda basah kuyup di-basahi oleh darah-darah manusia.

Oleh sebab itu-lah 'Kampong Lebor' di-namakan Kampong Lebor sebab letak nya di-tempat per-temporan tersebut. Kampong itu ada-lah di-dalam jajahan Serian, di-batu 5, Serian-Simanggang Road.



Beberapa hari berjalan melalui hutan belukar yang tebal itu, sampai lah segala penyamun-penyamun itu ka-sa-buah kampung.

MATI DI-PENDAMKAN

KAMPONG PENDAM ia-lah sa-buah kampung yang terpenchil sa-kali di-dalam daerah Simunjan. Sa-belum kampung itu di-bangunkan beberapa tahun yang lampau ia-nya ia-lah hutan sahaja. Waktu sa-kumpulan orang yang datang nak membangunkan kampung di-situ tempat itu sunyi-sepi belaka dan ta' di-tumboh oleh tanam-tanaman yang berguna selain dari pokok-pokok kayu-kayan yang besar--besar. Tetapi sekarang tempat itu di-kenali kaya raya dengan kebun-kebun kelapa. Ini-lah kesah-nya mengapa kampung itu di-gelar Kampung Pendam.

Beberapa abad yang silam, sa-belum orang-orang British datang manaklokan negeri ini, negeri Sarawak ini di-kenali sabagai sa-buah negeri penyamun. Lanun-lanun dan perompak-perompak bermahrajalela di-lautan negeri ini. Orang-orang yang tinggal di-tepi laut semua ketakutan dan melarikan diri di-rantau ulu negeri ini untuk mengelakan daripada serangan lanun-lanun itu. Oleh sebab itu-lah kita dapati banyak Dayak Darat dan Melayu membangunkan kampung atau rumah-rumah panjang jauh dari laut, dan kebanyakan-nya di-pergunongan.

Konon-nya ada sa-buah kampung di-muara Sungei Sadong di-mana pendudok-pendudok-nya tidak menghiraukan kekuatan lanun-lanun itu. Mereka tidak takut atau melarikan diri. Walau pun pendudok-pendudok kampung itu ta' berapa ramai, mereka bermuafakat dan berusaha untuk menentang lanun-lanun yang banyak bilangan-nya itu. Mereka bersedia dengan alat-senjata


peperangan untok menentang lanun-lanun yang buas itu.

Lanun-lanun yang bermahrajalela di-lautan negeri telah menyusor ka-muara Sungei Sadong dengan harta benda yang bertimbun timbun yang mereka rampas dari kampong-kampong yang mereka tempohi. Sedang mereka menyusorkan perahu mereka ka-hulu sungei itu tiba-tiba ketua mereka terpandang akan sa-buah kampong. Dengan ta' membuang masa, maka ketua-nya itu pun memerintahkan orang-orang-nya supaya berkayoh menuju ka-tempat itu. Apabila sampai sahaja lanun-lanun itu di-sana, mereka dapati penduduk-penduduk kampong semua-nya bersedia untok menentang. Melihat itu maka ketua lanun itu pun menyuroh orang-orang-nya menedohkan perahu-perahu mereka di-sabuah sungei berdekatan dengan kampong itu. Dengan tidak membuang masa mereka pun semua-nya berkayoh ka-arah sungei itu. Sa-lepas itu mereka mendarat dengan tujuan hendak menyerang. Apabila saja kelihatan lanun-lanun itu mendarat, maka penduduk-penduduk kampong itu pun bersedia-lah untok melawan musoh-musoh yang mereka anggap durjana itu.

Maka berperang-lah kedua belah pihak itu dengan hebat-nya. Mana yang kena tikam tersungkur terus mati di-situ juga, dan mana yang maseh hidup mara ka-hadapan untok membinasakan musoh masing-masing. Perperangan tersebut memakan masa selama sa-hari sa-malam, dan oleh kerana pihak lanun itu tersangat banyak bilangan-nya dan mereka sangat chekap dalam segi perang maka menyerah kalah-lah penduduk-penduduk kampong itu. Namun pun begitu pihak lanun yang ta' bertimbang rasa itu tidak mengindahkan

penyerahan lawan-nya, mereka melanjutkan peperangan itu dan membunuh semua penduduk-penduduk yang masih hidup dengan kejam-nya. Harta benda habis di-rampas dan rumah-rumah habis mereka bakar. Di-sekitar kampung itu sunyi-sepi belaka.

Sa-belum lanun-lanun itu meninggalkan kampung itu mereka sempat juga mengkebumikan mayat-mayat yang menjadi korban dalam pertemporan itu. Di-kebumikan dalam perkata'an orang China di-pendamkan dan dengan sebab itu-lah kampung itu di-namakan Kampung 'PENDAM'. Sungei yang di-gunakan lanun-lanun itu meneduhkan perahu mereka di-beri nama Sungei Pendam, ada-nya.



Dengan ta' membuang masa, maka ketua-nya itu pun memerintahkan orang-orang-nya supaya berkayoh menuju ka-tempat itu.

DATO IMAM KOLOP

DATO IMAM Kolop ia-lah sa-orang yang terkenal di-Gedong beberapa kurun yang silam, tetapi malangnya ta' banyak yang di-ketahui tentang riwayat hidup dan sejarah-nya. Mengikut yang ampunya cherita, Dato Imam Kolop itu bukan-lah nama-nya yang sa-benar sebak-nya ada nama-nya yang betul tetapi ta' sa-orang pun tahu apa-kah nama-nya yang sabenar itu.

Dato Imam Kolop di-perchayaie telah di-peranakan di-Kampung Gedong. Sejak kechil-kechil lagi ia memang cherdek dan chergas orang-nya. Ia-nya juga suka mendengar cherita peperangan yang mana pernah berlaku di-zaman itu di-negeri Sarawak. Ketika ia-nya meningkat rumaja ia sangat rajin mempelajari segala ilmu pencha silat dan rahsia berperang dengan sa-orang guru yang terkenal dalam serba-serbi ilmu itu di-Gedong. Ilmu yang di-pelajari-nya akhir sekali ia-lah ilmu kebal—ta' boleh dilukai oleh sebarang senjata jua pun. Untuk mendapat ilmu tersebut ia-nya terpaksa 'bertapa' di-sabuah gua. Malang-nya, ketika ia betapa itu ia-nya belum berkhatan (bersunat) lagi. Dan apabila umur-nya sudah chukup untok di-sunat ia-nya ta' dapat di-sunat sebab kekebalan-nya. Dia ta' boleh di-luka oleh sebarang senjata. Dengan sebab itu-lah ia-nya di-gelar Dato Imam Kolop.

Selain dari kekebalan-nya Dato Imam Kolop juga di-kenali sabagai sa-orang yang gagah perkasa di-zaman muda-nya. Gedong pada masa itu ada-lah sa-buah negeri yang agak sederhana ramai-nya. Mendengar itu maka lanun-lanun yang telah menyusorkan perjalanan

mereka ka-muara Sungei Sadong, sa-telah memusnahkan beberapa kampung yang terpenchil saperti Kampung Pendam telah berchadang untok menyerang Gedong. Maka mula-lah angkatan lanun yang ta' terbilang banyaknya mudek ka-hulu sungei, tetapi belum sempat lagi lanun-lanun itu berjaya menyusorkan sampan-sampan mereka di-perayeran Gedong, mereka telah senang sahaja di-tewaskan oleh sa-orang pahlawan yang terkenal yang telah siap sedia menunggu kedatangan lanun-lanun itu. Panglima itu tidak lain dan tidak bukan ia-lah Dato Imam Kolop. Oleh kerana kegagahan-nya itu ia telah berjaya menyelamatkan pendudok-pendudok Kampung Gedong dari anchaman musuh-musuh itu.

Di-perchayai juga bahawa Dato Imam Kolop telah melawat negeri Tamasek beberapa kali. Di-Tamasek ia telah bersahabat dengan beberapa orang Inggeris di-sana. Dan oleh kerana kebaikan-nya ia telah di-hadiahkan sa-batang nisan batu yang besar. Sa-lepas tinngal beberapa ketika di-Tamasek ia pun bertolak balek ka-tanah ayer-nya, Gedong. Mengikut cheritanya ta' sa-orang pun yang dapat memikul nisan batu yang berat itu, tetapi di-perchayai nisan itu telah senang sahaja di-angkatkan oleh Dato Imam Kolop sendiri dan di-bawa-nya ka-tempat yang sudah di-sedia untok mengkebumikan-nya ketika ia mati kelak.

Hingga di-zaman ini kita boleh dapati sa-buah kubor yang bernisan batu di-Gedong. Kubor tersebut ia-lah kubor Dato Imam Kolop.



Mereka telah senang sahaja di-tewaskan oleh sa-orang pahlawan yang terkenal yang telah siap sedia menunggu kedatangan lanun-lanun itu.

NEGERI DI-DALAM LAUT

PADA SUATU masa di-zaman purba kala ada-lah diperchayai bahawa ada sa-buah negeri di-dalan laut berdekatan dengan muara Sungei Baram. Negeri itu besar kerajaan-nya, di-perintah oleh permaisuri ikan jerong. Segala ikan-ikan dan isi laut semua-nya dibawah ta'alok-nya. Kerajaan itu sama-lah juga saperti di-dunia dan semua mereka bertukar rupa sabagai manusia. Apabila permaisuri itu ingin hendak bermain dan menchari hiboran dia menukarkan diri-nya sa-mula menjadi ikan jerong dan pergi berenang-renang di-atas ayer bersama-sama dengan pengiring-pengiring-nya. Bagitu-lah yang selalu di-buat oleh permaisuri laut itu.

Pada suatu hari maka ada dua orang adek beradek sedang dalam pelayaran balek ka-Brunei dari Kuching. Yang tua bernama Si-Burut dan yang adek bernama Si-Buntar. Mereka berdua itu memang selalu berlayar-layar sambil berdagang. Apabila mereka sampai dekat muara Sungei Baram itu tiba-tiba kemudi perahu mereka pun patah. Maka mereka pun berlaboh guna untuk membuat kemudi baharu. Maka Si-Burut pun memerintahkan adek-nya membuat kemudi itu. Bahawa ada-lah abang-nya itu sangat jahat dan tidak bertimbang rasa terhadap adek-nya. Dia suka berlaku kasar dan menyeksa adek-nya itu. Adek-nya itu takut pada abang-nya kerana tiada siapa lagi tempat-nya bersandar dan bermanja. Ayah mereka sudah lama meninggal dunia. Hanya ibu mereka yang maseh ada dan berharap kapada kedua-dua anak-nya.



Apabila mereka sampai dekat muara Sungei Baram itu tiba-tiba kemudi perahu mereka pun patah.

Kemudian Si-Buntar pun mengambil perkakas pertukangan-nya untuk membuat kemudi. Sedang dia memahat kemudi itu dia pun terpukul akan tangan-nya dan pahat yang di-pegang-nya itu pun terjatoh kedalam laut. Dengan perasaan sedih dia memperhatikan pahat yang tenggelam kedalam ayer yang jerneh itu sejauh mana mata-nya dapat mengikut hingga hilang dari penglihatan-nya kedasar laut. Dia bertambah sedih lagi bila mengenangkan abang-nya yang jahat itu serta memikirkan apa yang akan terjadi bila dia memberi tahu kepada abang-nya nanti. Dengan hati yang sedih dia memberanikan diri-nya menyatakan perkara itu pada abang-nya. Apabila mendengar penjelasan adek-nya itu maka dengan bengis dia pun berkata, "kau mesti chari pahat itu dan pergi selam kedalam laut itu."

"Bagaimana!" kata adek-nya, "aku tidak tahu dimana pahat itu terjatoh."

"Cheh!" kata abang-nya dengan marah, "kau mesti chari pahat itu sampai dapat."

"Abang", jawab adek-nya dengan sedih, "fikir-lah baik-baik, laut itu dalam dan banyak pula ikan jerong, tentu tidak selamat untuk menyelam kedalam laut itu."

"Aku tidak peduli," marah abang-nya dengam kejam, "kau mesti menchari-nya, jika tidak aku bunoh kau."

"Baik-lah," sahut adek-nya berduka, "sa-kira-nya aku tidak kembali lagi, tolong-lah sampaikan salam bahagia dan kaseh mesra-ku pada bonda serta katakan yang aku minta ampun dan maaf di-atas segala dosa jika ada dan juga minta halalkan segala-gala-nya."

"Cheh! merepek sahaja, terjun chepat dan bawa pahat itu balek.," kata abang-nya dengan tidak bersimpati.

Si-Buntar pun terjun kedalam laut di-mana pahat itu telah terjatoh dan tenggelam. Dia menyelam dan terus menyelam kedalam laut itu sambil abang-nya melihat adek-nya dengan gembira dan senang hati sahaja. Tiba-tiba Si-Buntar tersentuh atap rumah didalam laut itu. Dia terperanjat dan hairan melihat dan menemui bahawa di-sekeliling-nya ada sa-buah negeri yang indah lagi chantek dengan besar-nya. Di-rasai diri-nya tidak susah bernafas lagi, sama seperti di-atas tadi ketika dalam perahu. Dia pun memberanikan kaki-nya melangkah masuk kedalam negeri itu dengan hayal. Dalam leka melihat keindahan negeri itu dengan tidak di-sedari-nya dia telah di-kepong oleh hulubalang-hulubalang yang terus menangkap-nya dan di-masokkan kedalam sa-buah rumah.

Hulubalang-hulubalang itu pun menyebarkan penangkapan itu kepada permaisuri mereka, ia-itu permaisuri ikan jerong itu. Sa-sudah mendengar penerangan hulubalang-hulubalang itu maka permaisuri itu pun menitahkan supaya membawa orang itu menghadap-nya. Hulubalang-hulubalang itu pun pergi dan tidak lama kemudian mereka menghadap kembali membawa orang yang di-tangkap itu.

"Orang muda," permaisuri memulakan pertanyaan, "siapa-kah kamu ini dan dari mana kamu datang?"

"Ampun tuanku beribu-ribu ampun," sembah Si-Buntar, "Pachal ini manusia dan nama pachal Si-Buntar dan datang dari perahu pachal."

"Manusia! Si-Buntar!" permaisuri kehairanan dan terus berkata, "Hai! manusia, tidak-kah kamu tahu bahawa kamu telah melakukan kesalahan yang besar

masuk ka-negeri ini dengan tidak ada keizinan,” terdiam si-kejap dan terus memberi amaran, “sa-patut-nya kamu di-hukum.”

“Ampun tuanku,” Si-Buntar menyusun sembah, “Pachal yang hina ini tidak tahu dan tidak pula sengaja. Sakira-nya bersalah pachal pohonkan ampun kebawah duli tuanku.”

“Apa yang membawa kamu kemari?”

“Ampun tuanku, cherita-nya panjang.”

“Cheritakan-lah pada beta mengapa kamu boleh melarat ketempat ini.” Permaisuri memerhatikan Si-Buntar dengan perasaan yang terharu dan nampak-nya permaisuri itu sudah tertarik hati pada-nya.

“Tuanku,” kata-nya, “sa-benar-nya pachal telah menchari pahat pachal yang terjatoh kedalam laut ini sa-masa pachal sedang membuat kemudi.”

“Mengapa pula kamu mahu menchari-nya pada hal kamu tidak tahu di-mana pahat itu tenggelam?”

“Tuanku, itu tidak menjadi soal kerana sudah kewajiban pachal.”

“Siapa yang menyuroh kamu?”

“Abang pachal, tuanku.”

“Tidak-kah kamu duga bahawa perbuatan kamu itu merbahaya?”

“Ampun tuanku, apa boleh buat, pachal terpaksa menchari pahat itu jika tidak abang pachal akan bunoh pachal.”

“Kenapa?”

“Kerana dia benchi pada pachal.”

“Beta bersedih mendengarkan cherita kamu, dan menghargai akan keberanian kamu.”

Sa-telah itu senyap sekejap. Permaisuri itu melihat dan memperhatikan Si-Buntar itu dengan tenang dan kasehan berchampur perasaan sayang. Si-Buntar pula diam sahaja serta menundukkan kepala-nya.

"Ampun tuanku," tiba-tiba Si-Buntar berdatang sambah, "jika ada belas kasehan tuanku, izinkan-lah pachal menchari pahat itu di-negeri tuanku ini."

"Tidak boleh!" jawab permaisuri itu sambil tersenyum, "tetapi beta ada satu permintaan. Sakira-nya permintaan beta ini dapat kamu kabolkan beta akan kembalikan pahat itu pada kamu kerana pahat itu ada dalam simpanan beta."

"Ada dalam simpanan tuanku!" terperanjat dengan gembira, lalu berkata lagi, "bagaimana?"

"Pahat itu jatuh kedalam mahligai beta, jadi beta ambil dan pahat itu beta-lah yang punya."

"Apa-kah dia permintaan tuanku," tanya Si-Buntar dengan harapan.

"Ada-lah negeri beta ini tidak ada raja." Permaisuri menyusun madah, "sa-kira-nya kamu sudi berkahwin dengan beta dan menjadi raja di-negeri beta ini baharu-lah beta berikan pahat itu."

Suasana pun menjadai senyap sahaja. Si-Buntar tundok diam serta berfikir sementara permaisuri memperhatikan dia dengan tersenyum.

"Ampun tuanku beribu-ribu ampun," Si-Buntar memechah sunyi dengan sambah, "beri-lah pachal masa untuk berfikir."

"Baik-lah," jawab permaisuri, "beta beri tempoh sampai pada besok hari; kamu mesti memberi jawapan yang memuaskan."

Maka Si-Buntar pun di-bawa balek dan di-masokkan ketempat tadi di-mana dia mula-mula di-kurong. Dia pun dudok memikirkan nasib-nya yang malang itu. Sa-malam-malaman dia payah hendak meelapkan mata-nya. Utak-nya penoh dengan fikiran. Dia memikirkan kira-nya dia menolak permintaan permaisuri itu apa-kah yang akan terjadi pada-nya? Sa-balek-nya pula jika dia bersetuju mungkin-kah permaisuri itu akan memulangkan pahat-nya itu? Hingga larut malam baharu-lah dia dapat tidor sa-sudah mengambil keputusan.

Pada keesokan hari-nya dia pun memberi jawapan-nya pada permaisuri itu dengan persetujuan. Alangkah gembira permaisuri mendengar jawapan Si-Buntar itu. Maka pertunangan permaisuri dengan Si-Buntar itu pun di-peristiharkan. Sa-lepas bersuka ria sa-lama empat puloh empat hari dan malam maka perkahwinan permaisuri dengan Si-Buntar pun di-langsungkan dengan penoh riang dan gembira. Bermacham-macham permainan dan pertunjukan di-selenggarakan dengan mariah-nya. Apabila sudah selesai perkahwinan itu maka Si-Buntar pun di-tabalkan sabagai raja ikan jerong yang memerintah semua isi laut itu.

Pada satu hari sa-lepas perkahwinan itu dia pun teringat akan pahat nya. Dia terus bertanya pada isteri-nya. Kemudian permaisuri itu pun mengambil pahat itu dari simpanan-nya dan memberikan kepada suami-nya yang di-kasehi-nya itu. Melihat pahat itu Si-Buntar pun menangis terkenangkan abang-nya. Bila permaisuri melihat suami-nya menangis itu dia pun bertanya, "Kenapa kakanda menangis?"

"Tidak ada apa-apa adinda, hanya terkenangkan

abang kakanda.”

“Ta’ usah-lah lagi di-kenang-kenang pada nya.”

“Adinda, sunggoh pun abang kakanda itu jahat dan membenchi kakanda, namun dia maseh tetap abang kakanda juga. Dari itu kakanda mesti pergi menghantar pahat ini kapada-nya.”

“Jika sudah begitu keputusan kakanda, adinda serta pengiring-pengiring adinda juga akan pergi bersama.”

Persediaan untuk keberangkatan di-raja pun disediakan. Sa-sudah semua sedia maka mereka pun berangkat dan menukar rupa mereka menjadi ikan jerong. Begitu juga dengan Si-Buntar bertukar menjadi sa-ekor ikan jerong. Sampai sahaja dekat perahu abang-nya Si-Buntar pun menukar diri-nya menjadi manusia sa-mula. Dia timbol hairan melihat bahawa abang-nya maseh lagi menunggu dan berada di-tempat-nya dahulu. Dengan penoh rasa kaseh sayang dia pun bertanya, “Lama-kah sudah abang menunggu.”

“Tidak!” jawab abang-nya dengan marah, “Chuma enam jam.”

“Apa! enam jam!” Si-Buntar kurang perchaya.

“Ya! enam jam.” Abang-nya menjawab dengan kasar.

“Sunggoh hairan, pada hal aku sudah berkahwin dengan permaisuri laut ini dan aku rasa aku sudah berada di-bawah laut sa-lama enam puloh hari.”

“Berkahwin! Cheh, ta’ mungkin.”

“Baik-lah,” kata adek-nya, “Ini-lah isteri-ku.” Tiba-tiba isteri nya pun menjelma. “Lagi” sambong adek-nya, “aku sekarang sudah menjadi raja laut.”

“Bagaimana dengan pahat itu,” potong abang-nya.

“Ini pahat itu,” sambil mengambil pahat itu.

“Shukor-lah, dan buat-lah kerja kau.”

Maka Si-Buntar pun membuat kemudi itu hingga siap. Apabila sudah selesai dia pun memberi kemudi itu pada abang-nya dan berkata, “Abang, pergi-lah abang meneruskan pelayaran dan aku tidak dapat ikut bersama.”

“Kenapa?” potong abang-nya.

“Kerana kewajiban aku menunggu aku di-laut ini, lagi pun aku tidak dapat bercherai dengan isteri-ku yang aku kasehi itu.”

“Tidak-kah kau dapat mengubah fikiran-mu” abang-nya membujuk adek-nya dengan harapan.

“Tidak dapat, aku tetap akan tinggal di-sini sa-bagai raja ikan jerong yang memerintah lautan ini. Maafkanlah aku dan sampaikan juga salam aku pada bonda serta cheritakan pada-nya apa yang telah terjadi pada aku.”

“Sungguh begitu pendirian-mu” abang-nya menyesal dan menangis, “sampai hati kau membiarkan abang, dan aku ma’afkan kau.”

“Jangan-lah bersedih, ini sudah nasib aku.”

“Ma’afkan-lah abang, ya Si-Buntar.”

“Sabentar-nya abang tidak bersalah.”

“Adek-ku jangan-lah tinggalkan abang sa-orang diri.”

“Apa boleh buat, hingga di-sini-lah sahaja perjumpaan kita berdua. Ingat-lah, sakira-nya abang sampai ketempat ini lagi pada satu masa nanti abang akan melihat aku bermain-main dengan isteri-ku di-laut ini, ia-itu apabila abang terlihat dua ikan jerong berenang-renang, berkepong-kepong berdua-duan.” Dia pun terjun terus bertukar menjadi ikan jerong bersama-sama dengan isteri-nya menyelam hingga hilang kedalam laut. Alang-kah sedih rasa hati abang-nya hanya ayer mata-nya

sahaja yang dapat menahan perasaan-nya. Dia sangat berasa kesal sambil menangis, tetapi apa boleh buat sesal kemudian tidak berguna.

TANJONG LOBANG GUA PUAKA

TANJONG LOBANG ada-lah sangat terkenal kepada pedudok-pendudok di-bandar Miri mahu pun tempat-tempat yang berdekatan, terletak di-tepi laut menghadapi Lautan China di-mana pantai-nya puteh menguning terhampar luas hingga sampai kekuala Sungei Miri. Di-sabelah kiri-nya ada terdapat satu telok yang di-gelar Telok Luak atau lebeh di-kenal dengan panggilan LUAK BAY. Tempat ini sunggoh indah dan chantek, pasir-nya puteh berseh, pemandangan-nya sunggoh menarek terutama sa-kali pada waktu sore ketika matahari hendak masok di-mana keindahan alam terbentang nyata di-angkasa di-sinari oleh chahaya sang suria. Memang sesuai-lah tempat ini jadi tumpuan dan kegemaran orang untok pergi berkilah dan berchuti. Tambahan pula tiupan sang bayu yang sepui-sepui bahasa selalu bertiup dan menyegarkan badan dan meresap ketulang sendi terutama kapada siapa yang inginkan perubahan suasana. Di-kaki tanjong ini ada satu lobang saperti mulut gua. Maka dari perkataan tanjong dan lobang ini-lah nama Tanjong Lobang di-gelar. Dekat ini tempat-nya berbatu-batu menambahkan lagi keindahan pemandangan-nya, di-sulami pula oleh pukolan gelombang dan umbak yang datang bertalu-talu dengan sayu-nya. Di-sa-balek pukolan gelombang dan keindahan-nya itu tersembunyi saribu satu kesedihan dan keperchayaan yang ajaib. Ya! siapa yang tinggal di-Miri mahu pun orang yang berkunjong katempat itu menganggap tempat itu sabagai satu tempat yang indah dan istimewa tetapi ada-kah di-antara mereka yang tahu akan kesah atau cherita yang

ajaib yang ada kena mengena dengan Tanjong Lobang itu?

Pada suatu masa dahulu sa-belum ada perindustrian minyak di-buka di-Miri, bandar Miri belum lagi diketahui oleh orang saperti Miri pada masa ini. Pada masa itu Miri hanya di-kenal sa-bagai satu kampung, penoh dengan hutan rimba dan di-jalani oleh binatang-binatang liar. Penduduk-nya bergelar ORANG MIRI. Bahasa mereka berlainan dari bahasa Melayu dan sa-akan-akan sa-imbang dengan bahasa Melanau. Mereka ini-lah yang takut dan menyembah Tanjong Lobang atau GUA PUAKA itu.

Pada zaman itu Tanjong Lobang (Gua Puaka) adalah di-perchayai sa-bagai gua berpuaka dan telah ditunggu oleh sa-orang penghuni saperti hantu yang di-gelar 'ORANG KEBENARAN'. Penghuni itu suka membuat kebaikan dan ingin menolong orang-orang yang tinggal di-Miri dan di-Pujut (sa-buah kampung yang jauh-nya kurang lebeh empat batu dari Miri). Bahawa ada-lah di-perchayai dari Tanjong Lobang ada satu lobang gua di-bawah tanah hingga sampai ka-Pujut sa-bagai pintu keluar. Di-dalam gua itu-lah Orang Kebenaran itu tinggal menjaga keamanan dan memberi pertolongan orang-orang di-Miri dan di-Pujut itu. Sa-kira-nya orang-orang di-Miri itu hendak mengirim barang-barang kapada sanak saudara mereka di-Pujut, mereka pergi sahaja kapintu gua itu dengan membawa barang-barang kiriman itu serta dengan makanan untok penghuni itu saperti ketupat, telur dan juga lain-lain dan di-letakkan di-pintu gua itu sambil berseru dengan perkataan, "Hai, Orang Kebenaran yang kuat lagi budiman, engkau-lah tuan kami dan penjaga kami, tolong sampaikan kiriman

kami ini kepada si-anu di-Pujut''. Sa-lepas itu mereka pun pulang. Pada keesokan hari-nya terdengar-lah satu bahana saperti bunyi mariam menunjukkan bahawa kiriman mereka sudah di-hantar oleh penghuni itu. Sunggoh aneh-nya mereka tidak melihat penghuni itu menghantar-nya, chuma barang-barang itu berada terletak di-rumah orang yang berhak. Sa-kira-nya orang-orang di-Pujut hendak berkirin ka-Miri pun berbuat demikian juga. Bagitu-lah kesenangan dan nikmat yang di-beri oleh Orang Kebenaran itu pada mereka. Dalam pada itu Orang Kebenaran itu menyuruh mereka selalu berbuat baik dan bakti.

Pada suatu hari datang-lah sa-orang alim mungkin dari negeri Arab untuk mengajar dan mengembangkan ugama Islam. Dia membuat rumah berdekatan dengan Sungei Miri itu guna untuk tinggal dan mengajar orang-orang di-Miri dan di-Pujut itu. Sa-tiap hari dia menyeru dan bersharah membawa mereka menganut ugama yang di-sibar-nya itu. Dengan sabar dan yakin dia mengajar dan merayu pada mereka supaya mahu mendengar akan seruan-nya, tetapi chuma sedikit sahaja di-antara mereka yang berhati mulia dan mahu memelok ugama Islam.

Masa berjalan, hari berganti minggu hingga kebulan dan bulan berganti dengan tahun namun keadaan orang-orang itu tidak semua dapat di-pengarohi oleh orang alim itu. Sa-balek-nya mereka membenchi pula kepada orang alim itu. Jadi ada di-antara mereka yang berniat hianat terhadap orang alim itu. Pada satu hari mereka beramai-ramai pergi mendapatkan orang alim itu. Apabila mereka sampai di-rumah orang alim itu, ia sedang bersambahyang. Ini-lah peluang yang di-nanti-nanti

mereka. Dengan tidak berfikir dan tidak mempunyai sifat kasehan, salah sa-orang daripada mereka melompat dan terus memanchong dua badan orang alim itu. Sa-sudah badan itu jatuh dua kelantai mereka potong kaki tangan-nya dan di-cherai-kan dari badan-nya. Kemudian mereka kerat leher-nya dan bercherai-lah kepala dari badan. Sa-telah melihat badan orang alim yang bercherai berai itu maka mereka pun ketawa sa-kuat-nya, saperti orang gila laku mereka.

Tetapi alang-kah hairan mereka apabila melihat badan orang alim itu satu demi satu kembali bersambong saperti sedia kala. Kemudian datang sa-buah perahu yang indah dan chantek berhias dengan bunga-bunga berikat di-pangkalan rumah orang alim itu. Saperti ada orang mengangkat-nya badan orang alim itu pun di-bawa dan di-letakkan kedalam perahu itu. Maka perahu itu pun membawa mayat itu kesatu kubor yang sedia bergali liang-nya. Mayat itu pun di-masokkan kedalam liang itu dengan tiada siapa pun mengerjakan-nya. Sa-sudah selesai di-kubor maka nisan-nya pun terdiri dengan megah-nya. Apabila menyaksikan perkara yang sungguh ganjil dan ajaib itu mereka pun berasa takut dan menyesal.

Shahadan dalam mereka khayalan dan kehairanan itu tiba-tiba angin pun bertiup dengan deras-nya serta di-ikuti pula oleh hujan yang turun dengan lebat-nya. Hari yang begitu chantek dan berseh menjadi gelap dan gelita hingga mereka tidak dapat melihat apa, yang di-hadapan mata mereka. Di-tambah pula oleh suara guntor dan kilat memanchar sabong menyabong dengan bengis-nya membuat suasana itu menjadi ngeri



Dengan tidak berfikir dan tidak mempunyai sifat kasehan, salah sa-orang daripada mereka melompat dan terus memanchong dua badan orang alim itu.

dan menakutkan. Hujan ribut dan gelap itu terus bermahrajalela sa-lama tiga hari dan tiga malam. Ke-empat hari-nya baharu-lah hari mulai cerah dan bersej. Alang-kah sedih dan hairan mereka mendapati bahawa banyak rumah-rumah dan kebun-kebun jadi rosak binasa. Orang-orang yang membunuh orang alim itu semua-nya mati dan juga binatang teranakan mereka habis mati. Yang lebeh aneh dan memeranjatkan mereka ia-lah bahawa pusara orang alim itu tidak ada lagi nampak di-tempat nya itu. Bagitu juga dengan gua itu semua sudah tertimbon oleh batu-batu dan tanah. Melihat akan keadaan yang berlaku dan berubah di-sekeliling mereka itu maka mereka pun berasa kesal dan takut hingga sampai mereka menangis.

Sa-telah peristiwa ganjil itu berlaku maka tiap-tiap hari mereka pergi ka-Gua Puaka itu untuk minta pertolongan saperti dahulu tetapi hampa. Kehidupan mereka pun tidak-lah bagitu senang dan mewah lagi. Pada suatu malam sa-orang tua pun mendapat mimpi bahawa Orang Kebenaran itu datang kapada-nya dengan marah seraya berkata, "Hai, orang-orang yang durhaka dan berdosa. Kamu telah melakukan perbuatan yang keji yang tidak berperikemanusiaan membunuh sa-orang alim yang tidak berdosa yang ingin membimbing kamu kejalan yang benar dan di-ridzai. Oleh kerana keganasan kamu itu maka aku akan mengambil pembalasan dengan keganasan juga. Aku akan mengambil jiwa manusia baik di-laut atau pun di-darat sa-tahun sa-kali." Apabila orang tua itu terjaga dari tidor-nya dia pun hairan dan takut seraya menangis. Ke-esokan hari-nya dia pun mencheritakan mimpi-nya itu kapada orang-orang-nya.

Demi mendengar akan cherita orang tua itu mereka pun berasa takut dan menangis. Dari semenjak hari itu mereka pun mulai memelok ugama Islam hingga sampai pada hari ini.

Samenjak dari hari itu banyak-lah perkara yang tidak di-ingini berlaku mengencham ketenteraman mereka. Tiap-tiap tahun terutama sekali di-musim landas. banyak-lah jiwa terkorban baik di-laut mahu pun di-darat. Apabila sahaja laut bergelora dan chuacha tidak baik mungkin ada-lah jiwa akan terkorban di-Sungei Miri. Ini ada-lah di-perchayai sa-bagai pembalasan yang dibuat oleh Orang Kebenaran itu.

Pada hari ini perkara yang sa-umpama itu maseh lagi berlaku di-Miri. Perkara terajidi itu selalu sahaja berlaku dengan tidak di-duga. Keadaan yang ganjil itu payah juga hendak di-terima oleh akal kalau-lah benar perkara itu bersabit dengan cherita yang ajaib itu. Aku sendiri telah menyaksikan pada satu hari sebelas jiwa nelayan telah terkorban. Hanya sa-orang sahaja di-antara mereka yang hidup dapat mencheritakan bagaimana mereka jadi begitu. Ketika mereka sedang menarek pukut, tiba-tiba mereka rasa mereka kena tarek hingga sampai jauh kelaut. Maka mereka pun terapong-apong tidak dapat berenang kedaratan dan tenggelam lemas di-laut itu. Dia sa-orang dapat menyelamatkan diri-nya dengan memegang satu tin minyak. Bagini-lah perkara yang tidak di-ingini itu terus berlaku dan akan berlaku hingga bila-bila masa pun kita tidak dapat menantuan-nya.

Buat peringatan bahawa pusara orang alim itu maseh dapat lagi di-jumpai dan di-ziarahi pada masa ini terletak

di-hulu Sungei Miri dalam hutan dekat Lutong (sa-buah bendar kechil di-mana penapisan minyak di-selanggarakan kurang lebih tujuh batu dari Miri). Pusara itu pula sungguh ajaib kerana jika orang-orang Miri yang berketurunan dari orang-orang yang membunuh orang alim itu hendak berziarah ketempat itu tidak akan dapat berjumpa dengan pusara itu walau bagaimana mereka choba hendak menchari-nya. Tetapi jika orang lain senang sahaja berjumpa dengan pusara itu. Tempat-nya senantiasanya berseki dan tidak ditumbuhi rumput. Berdekatan dengan pusara itu ada ternampak bekas tiang-tiang rumah mungkin bekas rumah orang alim itu.

TAMMAT



Harga: M\$0.65